



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETUJUH BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI SABTU, 06 SYAABAN 1442 / 20 MAC 2021
(HARI KEENAM)**

1. DOA SELAMAT

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

2.1. KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

2.1.1. Jawatankuasa telah menyambung untuk menimbangkan tajuk dibawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Tajuk SE07A hingga Tajuk SE12A.

2.1.2. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

i. Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

- Menyoalkan langkah-langkah diambil berkaitan bangunan kerajaan dan swasta yang gagal pemeriksaan keselamatan kebakaran, dan mencadangkan bagi pemberigaaan Perintah Keselamatan Kebakaran.
- Memohon pencerahan mengenai status pelaksanaan *National Emergency Response System* (NERS).

ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

- Ingin mengetahui usaha terkini untuk melaksanakan *levy monthly installment* bagi

jawatan tertentu seperti *supervisor, driver, cashier* dan lain-lain.

- Menyoal mengenai dengan perancangan untuk mengkaji penambahbaikan pos-pos kawalan di negara ini terutamanya pos-pos kawalan darat.

iii. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit:

- Ingin mengetahui jika ada sudah cadangan untuk mengadakan muzakarah dengan agensi-agensi lain dan wakil-wakil mangsa bencana mengikut kawasan-kawasan yang sering berlakunya banjir untuk memberigakan apa keperluan ketika menghadapi banjir dan mendapatkan maklumat mengenai masalah yang dihadapi.
- Cadangan untuk menerbitkan buku panduan banjir supaya tidak lagi ada perasaan tidak dipedulikan.
- Ingin mengetahui samaada kejayaan pilihan dinilai daripada satu per tiga peratus itu dari penduduk yang berhak mengundi atau satu per tiga peratus yang hadir mengundi. Dan mencadangkan untuk pihak Institusi Mukim dan Kampung (IMK) memberigakan kepada penduduk yang berhak mengundi untuk hadir mengundi, jika ia dinilai dari peratus kehadiran.
- Ingin mengetahui jika terdapat satu akta atau peraturan yang boleh membebaskan dari gelaran bekas banduan untuk memudahkan mereka untuk mendapatkan kerja.

iv. Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Nudin:

- Mencadangkan pihak berkenaan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai berkaitan *privacy* maklumat peribadi.
- Mencadangkan untuk memikirkan langkah-langkah strategik bagi menangani penyebaran berita bohong atau *hoaxes*.

- v. Yang Berhormat Pengiran Hj Ali bin Pengiran Maon:
- Menyentuh mengenai kekurangan pegawai-pegawai penjara.
 - Menyoalkan sekiranya ada program bagi keluarga banduan untuk menerima semula banduan dan seterusnya memberikan sokongan rohani dan moral.
 - Ingin mengetahui sejauh mana kejayaan Program Keseliaan Jabatan Penjara.
- vi. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman:
- Memohon pencerahan mengenai dengan pemegang *entry permit* yang belum mempunyai kelulusan dan kebenaran untuk mendapatkan taraf kerakyatan dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.
 - Menyoalkan berkenaan akta pengecualian anggota bomba dan penyelamat bagi mengecualikan Pegawai Kanan Bomba yang dikategorikan dalam *medical board* daripada menjalani ujian *Basic Fitness Test*.
 - Menyoalkan tempoh percubaan bomba dan penyelamat sebelum ditetapkan sebagai anggota bomba dan penyelamat tetap serta pengiktirafan anggota bomba dan penyelamat setelah selesai menjalani latihan.
- vii. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:
- Mencadangkan bagi peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan program mukim dan kampung agar pihak Majlis Perundingan Mukim dan Kampong boleh mengadakan perundingan dan melihat perkembangan projek 1 Kampung 1 Produk (1K1P) di mukim dan kampung yang lain.

- Menyoalkan penurunan kadar kutipan hasil projek 1K1P dari tahun sebelumnya.

viii. Yang Berhormat Haji Umarali bin Esung:

- Ingin mengetahui tindakan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menjadikan kad pengenalan sebagai kad pintar yang lengkap dengan butir peribadi termasuk kad pintar, lesen memandu, sijil nikah dan sebagainya.

ix. Yang Berhormat Haji Emran bin Haji Sabtu:

- Ingin mengetahui perancangan masa hadapan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi meningkatkan infrastruktur dan prasarana Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan di Daerah Temburong ataupun membangun bangunan baru bagi menggantikannya.
- Menyoalkan perancangan bagi menyediakan tempat yang bersesuaian dan selamat bagi penjaja-penjaja di pondok-pondok tepi jalan, khususnya di sepanjang jalan Kawasan Labu, Peradayan, Batu Apoi dan lain-lain.

2.1.3. Tajuk SE07A hingga Tajuk SE12A – Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

3. KEMENTERIAN PENDIDIKAN

- 3.1. Jawatankuasa telah menimbangkan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pendidikan iaitu di bawah tajuk-tajuk SF01A – SF06A.
- 3.2. Yang Berhormat Menteri Kementerian Pendidikan telah menyampaikan mukadimahnyanya mengenai dengan hala tuju anggaran Kementerian Pendidikan.

[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]

- 3.3. Mesyuarat menyambung bagi membahaskan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pendidikan Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A. Beberapa

orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Kementerian Pendidikan:

- i. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad
 - Menyoalkan mengenai tahap penglibatan persatuan-persatuan *alumni* di institusi-institusi pengajian tinggi.
 - Mencadangkan untuk mewujudkan sebuah *platform* untuk menyatukan dan mentadbir para *alumni* institusi pengajian tinggi.

- ii. Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon
 - Ingin mengetahui keberkesanan 'Program Harapan' dan 'Program Anak Harapan' yang berperanan untuk memberi kemudahan makanan kepada beberapa buah sekolah rendah dan menengah yang terpilih. Mencadangkan supaya program dilaratkan ke sekolah-sekolah lain jika terbukti program-program tersebut berkesan dari segi meningkatkan pembelajaran dan kehadiran pelajar-pelajar.
 - Ingin mengetahui jika ada kajian yang dibuat mengenai punca kenaikan prestasi pelajar semasa tahun 2020 meskipun sekolah-sekolah ditutup akibat wabak COVID-19 dan sama ada pembelajaran secara dalam talian telah menyumbang kepada peningkatan prestasi pelajar tersebut.

- iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim
 - Menimbulkan mengenai konsep 3M dalam pendidikan iaitu menulis, membaca dan mengira, dan seterusnya mencadangkan untuk menambah "menghayati", iaitu menghayati ilmu diajarkan untuk membangun jati diri.

- Menyoalkan mengenai pencapaian atau penerimaan pelajar-pelajar dalam penulisan jawi di peringkat rendah, menengah dan tinggi serta mencadangkan bagi mengadakan program khusus untuk memperkasa tulisan jawi.
- iv. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari
- Mencadangkan bagi Sistem Pendidikan Negara bagi Abad ke-21 (SPN 21) untuk direbiu bagi kali kedua.
 - Mencadangkan untuk mengkaji semula had umur kelayakan biasiswa kerajaan untuk mengikuti program ijazah sarjana muda.
 - Mencadangkan untuk menambah kantin di Universiti Brunei Darussalam.
- v. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit
- Menyoalkan sekiranya pengiktirafan kelulusan pelajar-pelajar Negara Brunei Darussalam yang diperolehi daripada negara bukan anggota *National Qualifications Framework* (NQF) akan menggunakan garis panduan NQF.
 - Menyoalkan mengenai perkembangan program-program *Brunei Entrepreneurship Education Scheme* dan *Student Entrepreneurship Development Expo* dan menyoalkan cadangan untuk meneruskan program-program tersebut untuk memperkasa Pusat Keusahawanan dan Inovatif.
 - Ingin mengetahui mengenai perkembangan Skim Miftaahun Najaah dan Projek Rintis Kelas Tuisyen serta status pelaksanaannya.
 - Ingin mengetahui mengenai keputusan dan perancangan pihak Kementerian Pendidikan untuk menggabungkan Sekolah Rendah

Benutan dengan Sekolah Rendah Panchong di Daerah Tutong.

- vi. Yang Berhormat Awang Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman
 - Menyoalkan tentang peranan dan perancangan Unit Pendidikan Khas dalam membantu kerajaan mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 terutamanya berkaitan pelajar kelainan upaya.
 - Menyoalkan tentang tindakan yang akan dilaksanakan bagi menangani isu kekurangan guru yang tidak mampu menampung keramaian murid pendidikan khas.
 - Menyoalkan perancangan Kementerian Pendidikan dan Unit Pendidikan Khas bagi menjaga kesejahteraan guru-guru dan murid-murid yang lain, apabila berhadapan dengan beberapa masalah yang kurang elok.

- vii. Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin
 - Menimbulkan mengenai isu salah padan subjek dan mencadangkan bagi ibu bapa atau penjaga diberikan kesedaran mengenai perkara ini supaya tidak menjejaskan prestasi penuntut dan tenaga guru-guru.
 - Mencadangkan untuk menambahbaik penyampaian pengajaran seperti dengan membuat pengajaran rakaman atau *recorded lectures* yang seterusnya dikongsikan secara menyeluruh demi untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan mutu pembelajaran penuntut.
 - Mencadangkan bagi kerjasama agensi-agensi seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat dan *NGOs* tertentu bagi menangani isu untuk mengelakkan keciciran pelajar dan menempatkan mereka semula ke sekolah-sekolah.

- viii. Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman
- Mencadangkan aset-aset pembangunan dibawah Kementerian Pendidikan yang kosong ataupun terbiar untuk dibukakan secara *lease* agar boleh dilaksanakan *re-purpose* kepada pihak swasta, dan boleh menjana hasil kepada Kementerian Pendidikan sekaligus mengurangkan kos pemeliharaan aset yang harus ditanggung.
 - Ingin mengetahui tentang *status* pelaksanaan projek rintis *SMART Classroom* di kalangan pelajar-pelajar sebagai salah satu projek utama di bawah *Digital Economy Masterplan 2025*.
- ix. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong
- Menyentuh mengenai dengan pengambilan pelajar dari peringkat pra universiti, politeknik dan institusi-institusi yang sebanding dengannya adalah terhad dan perkara ini menjejaskan prestasi pembelajaran penuntut.
 - Mencadangkan membuat kajian yang terperinci untuk membuka peluang pelaburan dan menubuhkan universiti di negara ini dengan memperkenalkan dasar memudahcara pelaburan di negara ini.
- x. Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii
- Menyoalkan jika pihak Kementerian Pendidikan memantau jumlah murid-murid pada waktu-waktu sesi persekolahan di sekolah-sekolah swasta.
 - Ingin mengetahui jika pihak Kementerian Pendidikan ada mempunyai bidang kuasa untuk menetapkan had jumlah pelajar di sekolah ataupun kekerapan waktu sesi persekolahan.

- Mencadangkan untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa penasihat dan *stakeholders* ke atas perancangan dengan semua sekolah atau institusi swasta untuk memberi *input* kepada *Masterplan Review* lokasi sekolah dan institusi negara.
- xi. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad
- Mencadangkan agar pihak Kementerian Pendidikan boleh mengutamakan anak-anak tempatan agar diberi peluang pekerjaan pemandu bas sekolah.
 - Memohon agar syarikat-syarikat bas yang diupah oleh pihak Kementerian Pendidikan ini dimiliki oleh orang-orang tempatan yang komited dan aktif dalam perniagaan.
- xii. Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis
- Menyoalkan jika pihak Kementerian Pendidikan akan memperkenalkan *Key Performance Indicator* (KPI) untuk mengukur peningkatan akhlak baik dan kecemerlangan penuntut.
 - Memohon pencerahan status bakal-bakal pengganti Pensyarah dari luar negara.

3.4. Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A – Kementerian Pendidikan telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA 21 MAC 2021 JAM 2.30 PETANG]
